



PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 1997

KAEDAH MENETAPKAN PERGERAKAN GAJI ANGGOTA YANG DILULUSKAN CUTI TANPA GAJI MENGIKUT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 1 TAHUN 1992

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan kaedah pergerakan gaji anggota yang diluluskan cuti tanpa gaji (CTG) di bawah [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1992](#) supaya selaras dengan peruntukan yang terdapat dalam [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1995](#).

KEPUTUSAN

2. Jabatan ini mendapati peruntukan mengenai pergerakan gaji yang terdapat di perenggan 7 [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1992](#) tidak selaras dengan peruntukan yang dihuraikan di perenggan 3.3 dalam [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1995](#). Untuk mengatasi kekeliruan yang timbul akibat daripada percanggahan tersebut maka keputusan telah dibuat supaya kaedah pergerakan gaji yang ditetapkan di perenggan 7 dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1992](#) itu **dibatalkan**. Mana-mana anggota yang pergerakan gajinya telah ditetapkan mengikut peruntukan Pekeliling

Perkhidmatan tersebut hendaklah diselaraskan semula mengikut peruntukan perenggan 3.3 [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1995](#).

TARIKH KUATKUASA

3. Pekeliling ini dikuatkuasakan mulai 1 Januari 1992.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' PADUKA DR. MAZLAN BIN AHMAD)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Malaysia.

Tarikh : 27 Mei 1997

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan